

Lancar syiling emas edisi khas TMM2026

Kuala Lumpur: Soko-
ngan sektor swasta ter-
hadap agenda pelanco-
ngan negara terus diper-
kukuh apabila SMS DEEN
Jewellers melancarkan
syiling emas edisi khas
Tahun Melawat Malaysia
2026 (TMM2026), perta-
ma seumpamanya di Ma-
laysia.

Ketua Pegawai Ekseku-
tif SMS DEEN, Mohamad
Shaifudeen berkata, ini-
siatif itu bagi menyokong
aspirasi nasional menja-
dikan Malaysia destinasi
pelancongan bertaraf du-
nia.

Katanya, pelan-
caran syiling
emas berkena-
an bukan se-
kadar produk
komersial,
malah mem-
bawa mesej
simbolik yang
menyatukan
elemen warisan,
budaya dan biodiversiti
negara selari dengan visi
TMM2026.

“Pelancaran syiling
emas edisi khas ini juga
mencerminkan peranan
aktif sektor swasta dalam
menyokong agenda na-
sional, khususnya pemu-
lihan dan pertumbuhan
industri pelancongan.

“TMM2026 bukan seka-
dar kempen pelancongan,
tetapi satu visi nasional
untuk membawa Malaysia
kembali ke peta dunia dan
sebagai syarikat tempa-
tan, kami melihat ini se-
bagai tanggungjawab ber-
sama untuk menyum-
bang sesuatu yang ber-
makna kepada negara,”
katanya.

Beliau berkata demiki-
an kepada media di majlis
pengenalan Syiling Emas

Edisi Khas TMM2026
yang menampilkan mas-
kot Wira (orang utan) dan
Manja (beruang matahari
Malaya) di sini, baru-baru
ini.

Hadir sama, Pengerusi
Tourism Malaysia, Datuk
Manoharan Periasamy
dan Ketua Pengarah Tou-
rism Malaysia, Mohd
Amirul Rizal Abdul Ra-
him.

Syiling emas edisi khas
itu adalah sebahagian da-
ripada Golden Heritage
Series keluaran SMS DE-
EN, dihasilkan menggu-
nakan emas tulen

999.9 (24 karat)

dan menam-
pilkan rekaan
eksklusif lap-
an Memori
Emas Mala-
ysia yang
merangku-
mi elemen
warisan teras
negara.

Mohamad berkata,
terdapat hanya 30 set re-
kaan eksklusif lap-
an Memori Emas Malaysia ter-
sedia di pasaran dan edisi
syiling tunggal pula 2,500
unit.

“Syiling tunggal dengan
berat 0.2 gram dijual pada
harga RM199, manakala
set ‘fordable pack’ yang
mengandungi lap-
an keping syiling pula berharga
RM1,599 dan setiap pek
mengandungi pencerita-
an mengenai budaya, ma-
kanan, seni dan infras-
truktur Malaysia,” kata-
nya.

Menurutnya, syiling
emas edisi khas
TMM2026 itu akan dita-
warkan di semua cawa-
ngan SMS DEEN Jewellers
di seluruh negara dan me-
nerusi TikTok.

“
**Syiling tunggal
dengan berat 0.2
gram dijual pada
harga RM199**
Mohamad



MOHAMAD (kiri) pada Majlis Pelancaran Syiling Emas Edisi Khas Visit Malaysia 2026.